



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Garis Panduan **PENAPISAN FILEM**



**LEMBAGA PENAPIS FILEM
2024**

ISI KANDUNGAN

Prakata	2
Menteri Dalam Negeri	3
Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri	3
Pengenalan	4
Tujuan Penapisan Filem	5
Tafsiran	6
Bahagian I	9
Dasar Umum	
Jenis Penayangan dan Kaedah Penapisan Filem	
• Penapisan Pawagam	11
• Penapisan Stesen Televisyen	11
• Tapisan Kendiri	12
Keputusan Lembaga Penapis Filem	12
Bahagian II	13
Teras Penapisan Filem	
• Keselamatan dan Ketenteraman Awam	14
• Keagamaan	16
• Moral dan Sosiobudaya	19
Bahagian III	23
Penapisan Stesen Televisyen	24
Bahagian IV	25
Filem Kecil Iklan dan Filem Promosi	26
Bahagian V	33
Bahasa	34
Bahagian VI	41
Klasifikasi Filem	42
Bahagian VII	45
Tatacara Permohonan Kelulusan Filem untuk Tayangan	46
Carta Alir Tatacara Permohonan Kelulusan Filem untuk Tayangan	47
Lampiran	49

PRAKATA

MENTERI DALAM NEGERI

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas penglibatan dan komitmen semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menerbitkan buku Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF) yang baharu bagi menggantikan garis panduan lama yang telah digunakan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) sejak tahun 2010.

Umum mengetahui bahawa penapisan dan klasifikasi sesebuah filem sememangnya dilaksanakan oleh kebanyakan negara melalui badan kawal selia masing-masing dengan tujuan dan objektif yang ditetapkan oleh negara berkenaan. Bagi tujuan ini, terdapat negara yang hanya melaksanakan penapisan filem sahaja, terdapat juga negara yang hanya mengklasifikasikan filem dan negara yang melaksanakan kedua-dua penapisan dan pengklasifikasian secara bersekali. Namun, boleh disimpulkan bahawa kebanyakan negara ada melakukan penapisan dan pengklasifikasian bagi filem-filem yang dihasilkan dan Malaysia termasuk dalam kategori kebanyakan negara di dunia yang melakukan penapisan dan pengklasifikasian filem ini. Sehubungan itu, GPPF ini diwujudkan sebagai panduan kepada ahli LPF dalam menapis dan mengklasifikasikan sesebuah filem sebelum ianya diluluskan untuk tayangan umum.

Garis panduan ini juga bertujuan untuk membantu para penggiat seni dan pembikin filem tanah air dalam menghasilkan karya filem yang bermutu tinggi tanpa membataskan kemahiran, kreativiti, pemikiran saintifik, daya fikir yang kritis dan kreatif mereka. Melalui rujukan GPPF ini, para penggiat industri filem dapat menghasilkan karya-karya filem yang berkualiti dan mempunyai nilai estetika, namun dalam pada masa yang sama, tidak memberikan impak yang negatif terhadap perkara-perkara yang menyentuh tentang keselamatan dan ketenteraman awam, keagamaan serta moral dan sosiobudaya masyarakat di negara ini.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar GPPF yang baharu ini akan dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada semua penggiat seni dan pembikin filem tanah air seterusnya dapat memanfaatkannya dalam menghasilkan sesuatu karya filem yang terbaik, sama ada di peringkat domestik mahupun di persada antarabangsa.

Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail

Menteri Dalam Negeri
Kementerian Dalam Negeri

PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan kerjasama semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan buku Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF) yang baharu bagi menggantikan garis panduan lama yang telah digunapakai oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) sejak tahun 2010.

GPPF yang baharu ini mengandungi pernyataan tentang perkara-perkara yang perlu diteliti oleh LPF dalam menapis dan mengklasifikasikan sesebuah filem. Tiga teras utama yang diberikan perhatian dalam menapis dan mengklasifikasikan sesebuah filem adalah merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam, keagamaan serta moral dan sosiobudaya. Penelitian kepada teras-teras berkenaan harus diberikan penekanan bagi memastikan sesebuah filem yang ditayangkan tidak memberikan kesan yang negatif kepada masyarakat di negara ini.

GPPF yang baharu ini dihasilkan dengan mengambil kira pelbagai pandangan, syor dan cadangan daripada para penggiat dan karyawan industri filem tempatan, badan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik, media cetak dan elektronik serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Sehubungan itu, GPPF ini sewajarnya dijadikan sumber rujukan dan panduan kepada para penggiat seni perfileman tanah air berhubung perkara-perkara yang seharusnya diberikan pertimbangan berkaitan kandungan sesebuah filem dengan turut mengambil kira aspek kesesuaian sesebuah filem untuk ditonton oleh masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Garis Panduan ini bukanlah bertujuan untuk menyekat kreativiti dan kemahiran serta daya fikir pembuat filem, sebaliknya ianya boleh dijadikan rujukan kepada pembuat filem berhubung dasar-dasar Kerajaan berkaitan konteks jalan cerita yang hendak disampaikan.

Terima kasih.

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi

**Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri**

PENGENALAN

Filem memainkan peranan penting dalam pembangunan dan keselamatan negara, keadilan sosial, perpaduan kaum dan perilaku masyarakat. Filem juga boleh mempengaruhi pemikiran dan perlakuan masyarakat, terutamanya kanak-kanak dan remaja. Justeru, pembikinannya hendaklah bersesuaian dengan keperibadian bangsa dan nilai murni sejagat.

Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF) ini hendaklah diguna pakai tertakluk pada Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620], undang-undang, peraturan dan pekeliling lain yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Garis panduan ini mengambil kira perubahan undang-undang dan pandangan, sensitiviti serta keprihatinan masyarakat. Garis panduan ini disemak dari semasa ke semasa berdasarkan hasil kajian atau sumber pakar bidang yang berkaitan. Garis panduan ini juga bertujuan membina jati diri bangsa melalui filem yang mempunyai nilai murni dan amalan baik masyarakat.

Terdapat tiga (3) teras penting dalam GPPF ini yang perlu diteliti dalam pembuatan filem, iaitu keselamatan dan ketenteraman awam, keagamaan serta moral dan sosiobudaya. Ketiga-tiga teras ini perlu diberikan perhatian serius dan tidak dieksplotasi sehingga boleh membawa akibat yang tidak diingini kepada masyarakat dan negara.

Tujuan GPPF ini adalah untuk memberikan panduan kepada penggiat seni perfileman seperti pengeluar, pengedar, pempamer serta pihak lain yang berkaitan memahami dasar kerajaan dan perkara yang perlu diberikan perhatian dan penilaian yang kritikal berhubung dengan kandungan dan pembikinan sesebuah filem yang sesuai bagi tontonan masyarakat.

Kementerian Dalam Negeri dan Lembaga Penapis Filem (LPF) sentiasa bersedia menerima maklum balas daripada mana-mana pihak demi kebaikan industri perfileman dan mengekalkan negara yang aman, adil serta berdaulat. Lembaga Penapis Filem membuat penilaian sesebuah filem berdasarkan GPPF dan tidak menyekat kreativiti penggiat seni perfileman. Lembaga Penapis Filem juga bersedia untuk memberikan khidmat nasihat jika diperlukan sebelum sesebuah filem dihasilkan.

TUJUAN PENAPISAN FILEM

Penapisan filem bertujuan:

1. Melindungi masyarakat terutamanya kanak-kanak agar tidak terpengaruh dengan nilai negatif akibat tontonan filem dan bahan publisiti filem sehingga mendorong mereka:
 - 1.1 melakukan perbuatan yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.
 - 1.2 meniru, mempraktikkan dan bersimpati dengan fahaman yang bertentangan dengan prinsip Rukun Negara.
 - 1.3 melakukan perbuatan yang tidak bermoral dan menyalahi ajaran agama.
2. Melindungi negara, pemimpin dan kerajaan Malaysia daripada tersebarnya filem yang antikerajaan atau meletakkan imej kerajaan dan agensinya secara negatif serta boleh menyentuh kedaulatan negara dan pemimpin negara luar yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia.
3. Menghindari filem yang menyanjung ajaran sesat, fanatik, mengkritik dan mencela sesuatu agama.
4. Menjaga keharmonian hubungan antara kaum dengan memaparkan nilai kebudayaan, keperibadian dan aspirasi negara selaras dengan dasar kerajaan.
5. Menjadi panduan supaya nilai dan budaya bangsa terpelihara dan berkembang sesuai dengan keperibadian nasional.

TAFSIRAN

1. Filem

Mengikut Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620], filem ditafsirkan sebagai keseluruhan atau apa-apa bahagian:

- 1.1 sesuatu filem sinematografi; dan
- 1.2 sesuatu pita video, disket, cakera laser, cakera padat, cakera keras dan rekod lain,

yang asal atau pendua bagi suatu urutan imej gambar tampak, yang merupakan suatu rekod yang dapat digunakan sebagai suatu cara untuk menunjukkan urutan itu sebagai suatu gambar bergerak, sama ada atau tidak diiringi dengan bunyi.

2. Kandungan Filem

Kandungan sesebuah filem meliputi tema, jalan cerita, adegan, dialog, audio dan sari kata, paparan teks, lirik lagu atau visual lain.

3. Filem Kecil Iklan

- 3.1 Sesuatu filem komersial atau iklan kutipan derma termasuk iklan senyap, muzikal atau iklan tajaan yang mengiklankan sesuatu produk atau perkhidmatan yang sah di sisi undang-undang.
- 3.2 Iklan atau promosi sesuatu produk atau perkhidmatan yang diselitkan atau dipaparkan atau dipamerkan atau dilakonkan dalam sesuatu adegan atau dialog sesuatu filem atau dipamerkan semasa siaran televisyen.

4. Filem Promosi

Sesuatu filem yang mempromosikan sesuatu produk atau perkhidmatan sama ada secara jualan langsung atau kaedah-kaedah promosi lain termasuk sebarang bentuk pengumuman yang dipersembahkan secara rakaman.

5. Filem Treler

Sedutan adegan filem asal yang bertujuan mempromosikan filem berkenaan.

6. Bahan Publisiti Filem

Bahan bercetak atau paparan digital atau bentuk-bentuk paparan lain yang bertujuan mempromosikan sesuatu filem berkenaan.

7. Filem untuk Previu

Sesuatu filem tempatan yang dikemukakan oleh pemunya filem untuk tapisan awal Lembaga Penapis Filem bagi mendapatkan khidmat nasihat supaya kandungan filem tersebut selaras dengan garis panduan yang berkuat kuasa.

8. Filem Klasik

Sebuah karya seni tempatan yang diterbitkan sekurang-kurangnya 50 tahun yang lalu, yang mempunyai nilai budaya dan bahasa sesuatu zaman. Karya-karya tersebut memberikan ilmu dan pengajaran, nilai sejarah dan warisan peradaban bangsa, yang mempunyai nilai positif tinggi serta malar segar.

9. Filem Festival

Filem yang dipertontonkan dalam sesuatu festival filem yang diadakan dalam negara untuk tontonan golongan tertentu.

10. Filem Video atas Permintaan (VoD)

Filem yang ditayangkan di stesen televisyen melalui langganan untuk menonton filem tersebut.

11. Lembaga Penapis Filem

Lembaga Penapis atau lebih dikenali sebagai Lembaga Penapis Filem (LPF) ditubuhkan di bawah subseksyen 4 (1) Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620].

12. Tapisan Kendiri

Mana-mana stesen televisyen yang diberikan kelulusan oleh Menteri Dalam Negeri berdasarkan Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620] untuk membuat tapisan filem, kecuali filem kecil iklan dan filem promosi.

13. Jawatankuasa Rayuan

Jawatankuasa Rayuan ditubuhkan di bawah subseksyen 22 (1) Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620].

14. LGBTQIA++

Merujuk golongan lesbian, gay, biseksual, transeksual, *queer*, interseks, aseksual dan lain-lain lagi.

15. Khurafat

Kepercayaan yang karut, dongeng, tahyul dan ajaran yang menyimpang dari ajaran Islam.

16. Syirik

Ucapan, amalan, keyakinan atau perbuatan yang menyekutukan Allah.

17. Ajaran sesat

Ajaran yang menyimpang atau bertentangan dengan pegangan masyarakat Islam di Malaysia yang berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

18. Tahyul

Semua cerita sama ada khayalan atau rekaan, ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang daripada ajaran Islam.

19. Entiti

Sesuatu yang wujud secara berasingan dan mempunyai ciri-ciri tersendiri selain manusia dan haiwan.

20. Pemerdagangan Orang

Segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang.

21. Eksploitasi Kanak-kanak

Penggunaan kanak-kanak dalam aktiviti yang membolehkan pihak lain mendapatkan faedah dari segi kewangan, seksual, politik serta kepentingan lain yang boleh mengancam kesejahteraan fizikal dan psikologikal mahupun kelangsungan hidup kanak-kanak.

Bahagian I
DASAR UMUM

PROD.	TAKE		CUT
SCENE	ROLL		
DATE			
DIRECTOR			
CAMERA			

BAHAGIAN I

DASAR UMUM

1. DASAR PENAPISAN FILEM

- 1.1 Filem dibenarkan penyebarannya seluas mungkin untuk tontonan umum, selagi kandungannya sama ada tersurat atau tersirat, tidak bertentangan dengan undang-undang, dasar dan kepentingan negara serta hasrat dan aspirasi kerajaan untuk mengekalkan hubungan harmoni antara kaum, dengan mengekang perkembangan negatif agar tidak menular dalam kalangan masyarakat dan memudaratkan kepentingan awam.
- 1.2 Filem sewajarnya selari dengan Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620], GPFF, undang-undang, peraturan dan pekeliling lain yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 1.3 Filem yang ditayangkan hendaklah menghormati kedaulatan Malaysia dan kepimpinannya serta negara dan pemimpin luar yang mempunyai hubungan diplomatik dengan negara Malaysia.
- 1.4 Filem yang diterbitkan oleh negara yang tiada hubungan diplomatik dengan Malaysia atau filem yang mempromosikan negara berkenaan tidak dibenarkan untuk tayangan.
- 1.5 Bahasa Melayu dalam sesebuah filem sama ada dialog, suara latar, paparan teks, sari kata dan yang dialih suara daripada bahasa lain hendaklah menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul.
- 1.6 Dialog yang menggunakan dialek dan slanga hendaklah disediakan sari kata bahasa Melayu yang baik dan betul.
- 1.7 Filem yang bukan berbahasa Melayu, sama ada filem tempatan atau luar negara, hendaklah disediakan sari kata bahasa Melayu yang baik dan betul untuk tapisan dan tayangan. Penggunaan sari kata bahasa lain adalah berdasarkan kepada keperluan.
- 1.8 Penapisan dan penentuan klasifikasi sesebuah filem klasik adalah berdasarkan teras penapisan filem dan pertimbangan oleh LPF dengan mengambil kira pengekal hasil karya asal.

2. JENIS PENAYANGAN DAN KAEDAH PENAPISAN FILEM

Jenis penayangan dan kaedah penapisan filem adalah seperti yang berikut:

2.1 Penapisan Pawagam

- 2.1.1 Semua bentuk filem untuk tayangan pawagam termasuk filem treler hendaklah ditapis keseluruhan kandungannya supaya tidak bercanggah dengan dasar dan teras penapisan filem yang telah ditetapkan.
- 2.1.2 Semua bahan publisiti filem yang dipaparkan di pawagam atau medium lain seperti televisyen, poster atau apa-apa bahan cetakan atau paparan digital hendaklah ditapis mengikut dasar dan teras penapisan yang telah ditetapkan.
- 2.1.3 Semua bentuk filem untuk tayangan di hotel, video atas permintaan (VoD), pita jualan, filem festival, persatuan atau pertubuhan, tayangan di pejabat kedutaan dan lain-lain tempat hendaklah ditapis berasaskan penapisan pawagam.

2.2 Penapisan Stesen Televisyen

- 2.2.1 Semua bentuk filem untuk tayangan stesen televisyen hendaklah melalui tapisan yang lebih terperinci berbanding dengan tapisan untuk tayangan pawagam seperti yang dinyatakan di Bahagian III.
- 2.2.2 Filem yang telah diluluskan untuk tayangan pawagam atau untuk jualan atau secara VoD perlu ditapis semula untuk siaran stesen televisyen.
- 2.2.3 Filem yang diluluskan kepada pengedar untuk tayangan televisyen boleh ditayangkan di mana-mana stesen televisyen.
- 2.2.4 Filem yang diluluskan kepada stesen televisyen tertentu perlu ditapis semula sekiranya hendak ditayangkan di stesen televisyen yang lain.
- 2.2.5 Semua filem kecil iklan dan filem promosi untuk tayangan di stesen televisyen hendaklah mendapat kelulusan LPF.

2.3 Tapisan Kendiri

- 2.3.1 Penapisan oleh mana-mana pihak yang diberikan kelulusan oleh Menteri Dalam Negeri untuk membuat penapisan sendiri tertakluk pada Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620], GPPF, undang-undang, peraturan dan pekeliling yang berkaitan dari semasa ke semasa.
- 2.3.2 Kebenaran penapisan sendiri terhad kepada penapisan filem cereka, drama, dokumentari dan lain-lain sahaja. Bagi filem iklan dan promosi, kelulusan hendaklah diperoleh daripada LPF.

3. KEPUTUSAN LEMBAGA PENAPIS FILEM

- 3.1 Selepas menonton sesuatu filem yang dikemukakan untuk penapisan, LPF boleh:
- 3.1.1 meluluskan filem itu untuk ditayangkan tanpa apa-apa pengubahan;
 - 3.1.2 meluluskan filem itu untuk ditayangkan dengan apa-apa pengubahan; atau
 - 3.1.3 tidak meluluskan untuk tayangan filem.
- 3.2 Lembaga Penapis Filem akan memberitahu pemohon secara bertulis keputusan permohonan dan alasan jika pengubahan perlu dibuat atau tidak meluluskan tayangan.

The background features several overlapping, semi-transparent film strips with sprocket holes, creating a sense of motion and depth. In the lower-left corner, there is a clapperboard with various fields for production information.

Bahagian II **TERAS** **PENAPISAN** **FILEM**

PROD.	TAKE		CUT
SCENE	ROLL		
DATE			
DIRECTOR			
CAMERA			

BAHAGIAN II

TERAS PENAPISAN FILEM

Kandungan sesebuah filem dilihat dari sudut tema, jalan cerita, adegan, dialog, sari kata, paparan teks, audio, lirik lagu atau visual lain. Secara amnya, GPPF ini didasari tiga (3) teras utama iaitu:

1. KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

- 1.1 Kandungan filem hendaklah tidak membawa maksud atau memberikan gambaran sama ada tersurat atau tersirat seperti mempropagandakan, mempromosikan, menggalakkan, menyokong atau menyemarakkan apa-apa perkara yang boleh mengganggu-gugat, menjejaskan keselamatan atau keharmonian hidup masyarakat dan negara. Perkara yang perlu diberikan perhatian dan diteliti adalah seperti yang berikut:
 - 1.1.1 perkara yang bertentangan atau bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang atau Rukun Negara atau menyebarkan ideologi komunis atau apa-apa ideologi yang bertentangan dengan pemerintahan demokrasi berparlimen di negara ini dan perkara yang mempersendakan, memburukkan dan menentang Institusi Raja-raja Melayu atau kerajaan yang memerintah, Parlimen, Dewan Undangan Negeri, institusi keagamaan, mana-mana agensi kerajaan atau penjawat awam.
 - 1.1.2 perkara yang boleh membangkitkan dan menyemarakkan isu perkauman, ketegangan politik dan kesalahfahaman agama dalam negara yang boleh menjejaskan perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia.
 - 1.1.3 perbuatan menghasut atau memfitnah yang boleh mengganggu-gugat keselamatan dan ketenteraman awam.
 - 1.1.4 propaganda yang dilakukan oleh sesebuah negara yang menyentuh dan mengganggu-gugat kedaulatan Malaysia dan negara-negara lain yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia.
 - 1.1.5 perkara yang boleh menjejaskan imej dan kepentingan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat atau merosakkan hubungan baik negara ini dengan negara-negara lain yang ada hubungan diplomatik.

- 1.1.6 propaganda atau unsur agama yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang boleh menimbulkan keresahan dalam kalangan umat Islam dan rakyat Malaysia.
 - 1.1.7 memaparkan atau mempromosikan lambang, logo, bendera parti politik Malaysia dan negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik serta peta yang tidak diiktiraf.
 - 1.1.8 memaparkan secara yang tidak mengikut protokol penggunaan lambang, logo, bendera negara atau negeri dengan sengaja atau tidak sengaja bertujuan mencela atau menghina.
- 1.2 Kandungan filem hendaklah tidak memberikan gambaran atau membawa mesej yang mempropagandakan atau menyemarakkan aktiviti jenayah, keganasan dan perbuatan atau perilaku ganas, kejam dan tidak berperikemanusiaan, termasuk penglibatan pemerdagangan orang dan eksploitasi kanak-kanak dengan memberi perhatian secara mendalam seperti yang berikut:
- 1.2.1 modus operandi kejahatan atau perbuatan jenayah secara terperinci dan menimbulkan rangsangan untuk menirunya.
 - 1.2.2 mengagung-agungkan dan mengangkat martabat watak penjenayah atau pengganas sebagai wira secara jelas atau tersirat.
 - 1.2.3 perbuatan melanggar undang-undang sebagai perbuatan yang menyeronokkan.
 - 1.2.4 membunuh diri, melakukan kekerasan atau penyeksaan terhadap diri sendiri atau individu lain secara kejam, ngeri atau keterlaluan termasuk animasi dan penggunaan Imej Janaan Komputer (computer generated images - CGI).
 - 1.2.5 paparan secara berfokus atau terperinci adegan memproses atau mengambil dadah kecuali untuk membuat kajian atau tujuan perubatan dan tindakan penguatkuasaan.
 - 1.2.6 penganiayaan dan penyeksaan terhadap manusia dan haiwan atau kanibalisme.

2. KEAGAMAAN

- 2.1 Kandungan filem yang menyentuh mana-mana agama adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, perkara di bawah perlu diberi perhatian dan diteliti secara mendalam supaya tidak menimbulkan kekeliruan, polemik dan keraguan dalam kalangan masyarakat, termasuklah:
- 2.1.1 pengajaran yang menggalakkan anti-Tuhan, ateisme, agnostisisme, *scientology*, pluralisme agama, liberalisme, *blasphemy*, menyokong kepercayaan fanatik, mengkritik, mencela atau memburukkan mana-mana agama.
 - 2.1.2 mengandungi apa-apa elemen yang berunsurkan propaganda keagamaan atau kepercayaan yang boleh menimbulkan kontroversi, polemik, keresahan dan keraguan dalam kalangan masyarakat Malaysia.
 - 2.1.3 perbuatan, mesej dan tafsiran yang mengelirukan tentang jihad dan disamakan dengan keganasan.
- 2.2 Kandungan filem yang berunsurkan agama Islam atau menyelitkan unsur agama Islam, perkara yang dianggap menghina kesucian dan institusi Islam serta boleh menimbulkan keresahan dan keraguan dalam kalangan orang Islam, hendaklah diberi perhatian dan diteliti, termasuklah:
- 2.2.1 bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan agama Islam sebagai Agama Persekutuan.
 - 2.2.2 mengandungi perkara yang menyentuh kesucian agama Islam.
 - 2.2.3 menggunakan isu Islam dan memaparkan adegan yang boleh membawa kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam.
 - 2.2.4 mempersoalkan, mempersendakan dan memperkecil kesucian atau bertentangan dengan syariat dan akhlak Islam.
 - 2.2.5 fahaman melampau atau ajaran sesat yang boleh menimbulkan keraguan dan kegelisahan awam.
 - 2.2.6 bercanggah dengan pegangan mazhab yang muktabar seperti mengagungkan atau mempromosikan apa-apa ajaran yang menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Syiah, Qadiani, liberalisme, pluralisme agama dan lain-lain.

- 2.2.7 menyalahi fakta sejarah Islam terutamanya kisah daripada al-Quran, hadis, sirah rasul dan para sahabat serta rujukan yang muktabar.
- 2.2.8 mempertikai atau menentang keputusan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam atau Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri.
- 2.2.9 unsur mempersendakan kewibawaan pandangan mana-mana Mazhab yang empat (4) iaitu Syafie, Hanafi, Maliki dan Hambali, ulama muktabar, mufti serta pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah.
- 2.2.10 melakukan apa-apa perkara yang bercanggah dengan akidah dan syariat Islam, kecuali bertujuan mengisahkan penghijrahan daripada kejahatan kepada kebaikan.
- 2.2.11 petikan dan bacaan ayat suci al-Quran, hadis, zikir, doa, selawat serta apa-apa bacaan yang berkaitan agama Islam perlu daripada sumber yang sahih dengan bacaan yang betul.
- 2.2.12 mengandungi penulisan ayat al-Quran selain bahasa Arab.
- 2.2.13 menyamakan amalan atau penggunaan istilah suci dan ibadat khusus agama Islam dengan agama lain.
- 2.2.14 memaparkan masjid atau tempat-tempat ibadah orang Islam sebagai latar belakang bagi adegan nyanyian, tarian, atau apa-apa adegan yang bertentangan dengan syariat Islam, kecuali persembahan yang bersesuaian dengan sesuatu adegan.
- 2.2.15 membangga-banggakan perbuatan membunuh diri.

2.3 Kandungan filem yang berunsur syirik, khurafat yang menyentuh akidah hendaklah diteliti secara mendalam supaya tidak menimbulkan kontroversi dan keraguan dalam kalangan masyarakat. Paparannya dibenarkan sekiranya mempunyai tujuan memperbetulkan akidah dan mengelakkan terjerumus kepada syirik. Watak atau pelaku dalam adegan dan dialog yang melanggar akidah agama itu hendaklah berkesudahan dengan kesedaran dan bertaubat atau dengan balasan buruk terhadap dirinya. Antaranya termasuklah:

- 2.3.1 menyamakan agama Islam dengan agama lain.
- 2.3.2 mempropagandakan dan menyebarkan kepercayaan agama lain kepada penganut Islam.

- 2.3.3 bercanggah, mempersenda atau bertentangan dengan akidah, sumber hukum Islam yang utama iaitu al-Quran, sunah, hadis, ijmak, qias, mazhab yang muktabar atau pendapat Jumhur Ulama.
- 2.3.4 mempengaruhi dan menyebarkan unsur fahaman Isra'iliyyat dan Sam'iiyyat yang menyeleweng.
- 2.3.5 unsur khurafat dan tahyul yang bercanggah dengan kepercayaan, akidah dan ajaran Islam.
- 2.3.6 mengaku dirinya atau mempercayai orang lain bertaraf rasul, nabi, malaikat, wali atau Imam Mahdi atau pemegang kunci pintu syurga atau neraka.
- 2.3.7 mempercayai roh orang mati boleh meresap masuk dan menguasai orang yang masih hidup kecuali jelmaan syaitan atau jin yang menyerupai orang yang telah mati.
- 2.3.8 mempercayai orang yang telah mati, masih hidup atau entiti tertentu boleh memberi pertolongan atau wasilah untuk sampai kepada Allah SWT.
- 2.3.9 orang Islam memegang peranan sebagai sami, paderi, biarawati atau watak bukan Islam yang lain atau melakukan ibadat di kuil, gereja dan tempat ibadat lain kecuali dengan tujuan penyamaran.
- 2.3.10 melakonkan atau menggambarkan secara jelas dan terperinci sebarang ilustrasi, karikatur, watak atau imej para nabi, sahabat nabi dan malaikat.
- 2.3.11 dialog atau adegan orang yang keluar daripada agama Islam (murtad) yang memaparkan keuntungan tanpa apa-apa pembalasan.
- 2.3.12 pelakon memegang watak sebagai seorang Islam yang memuji dan mempropagandakan kepercayaan agama bukan Islam.
- 2.3.13 mengkafirkan orang Islam lain dengan sewenang-wenangnya.
- 2.3.14 bersumpah selain kepada Allah SWT.

- 2.4 Kandungan filem yang mengandungi unsur agama lain selain agama Islam, perkara yang disifatkan boleh menghina agama berkenaan dan institusinya serta boleh menimbulkan keresahan dan menyentuh sensitiviti dalam kalangan penganutnya, hendaklah diberikan perhatian dan diteliti:
- 2.4.1 menghina, mengkritik atau mempersendakan amalan atau institusi mana-mana agama.
 - 2.4.2 menyalahgunakan simbol, lambang, peralatan dan bahan penyembahan yang dianggap suci oleh mana-mana agama.
 - 2.4.3 tidak menghormati tempat ibadat dengan melakukan apa-apa kerosakan ke atas binaan atau bahan penyembahan penganut agama berkenaan kecuali adegan yang berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan atau penceritaan sejarah.
 - 2.4.4 perbuatan atau perkara yang bercanggah dengan ajaran mana-mana agama.

3. MORAL DAN SOSIOBUDAYA

- 3.1 Kandungan filem yang menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan moral dan sosiobudaya adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun perkara di bawah ini perlu diberi perhatian dan diteliti secara mendalam supaya tidak menimbulkan kontroversi, menyentuh sensitiviti dan keraguan dalam kalangan masyarakat. Antaranya ialah:
- 3.1.1 gaya hidup liar, tidak berpedoman, songsang dan bertentangan dengan budaya yang boleh merosakkan nilai-nilai murni masyarakat.
 - 3.1.2 adegan yang keterlaluan tingkah laku, gerak-geri, dialog dan suara erotik yang boleh merangsang seks atau menjurus kepada hubungan seks termasuk penggunaan imej janaan komputer (CGI) yang keterlaluan.
 - 3.1.3 adegan seks yang melibatkan manusia, haiwan dan entiti.
 - 3.1.4 aksi lucah, berbogel, berpakaian kurang sopan atau mendedahkan tubuh badan yang keterlaluan secara berfokus kecuali bagi tujuan sukan, rekreasi, kecergasan fizikal atau memaparkan gaya hidup tradisional sesuatu kaum.

- 3.1.5 perbuatan onani atau sebarang aksi, reaksi dan suara yang menggambarkan perbuatan tersebut.
- 3.1.6 adegan eksploitasi ke atas kanak-kanak termasuk pedofilia, seks bawah umur, pengantunan seksual, amang seksual, sumbang mahram, pencabulan dan penderaan seksual.
- 3.1.7 adegan yang boleh menimbulkan kontroversi kerana mengamalkan kehidupan songsang, mempromosikan, mengagungkan, mempropagandakan, menyokong atau memperjuangkan hak kesamarataan dan kebebasan golongan LGBTQIA++ atau menormalisasikan gaya hidup tersebut.
- 3.1.8 memaparkan dan mempromosi bendera, lambang, logo dan simbol lain yang mengagungkan LGBTQIA++.
- 3.1.9 adegan memaparkan lelaki berkelakuan dan mengamalkan gaya hidup wanita dan sebaliknya kecuali bertujuan penyamaran atau yang bersesuaian dengan jalan cerita.
- 3.1.10 patung, arca, lukisan, gambar, poster dan paparan lain yang mempamerkan adegan seks, kelucahan atau kebogelan kecuali bagi tujuan pendidikan atau budaya sesuatu bangsa.
- 3.1.11 paparan bahan kesenian seperti seni tari, teater, muzik, seni tampak, seni arca, busana, tatu dan lain-lain yang dianggap tidak sopan dan bertentangan dengan nilai budaya masyarakat Malaysia.
- 3.1.12 haiwan mengawan secara berfokus kecuali untuk tujuan pendidikan.
- 3.1.13 semua isyarat, simbol atau bentuk lucah sama ada menggunakan jari tangan atau bahagian tubuh badan lain, objek dan lain-lain.
- 3.1.14 adegan yang boleh menimbulkan kekeliruan, sindiran dan merendah-rendahkan adat istiadat institusi diraja, amalan, adat resam dan budaya rakyat Malaysia yang berbilang kaum.
- 3.1.15 adegan dan dialog yang merendah-rendahkan maruah dan martabat individu secara keterlaluan.
- 3.1.16 adegan penindasan antara kaum atau masyarakat.

- 3.1.17 mengagung-agungkan atau membanding-bandingkan sesuatu kaum, suku bangsa atau etnik dalam apa-apa perkara sehingga boleh dianggap menyinggung perasaan atau merendahkan sesuatu kaum, suku bangsa atau etnik.
 - 3.1.18 perlakuan biadab terhadap ibu bapa, orang tua, wanita, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU).
 - 3.1.19 perkara yang menyentuh sensitiviti orang Islam, contohnya apa-apa adegan yang memaparkan orang Islam dengan khinzir dan anjing.
 - 3.1.20 adegan kanak-kanak merokok, meminum arak atau mengambil dadah.
 - 3.1.21 adegan merokok dan meminum arak bagi tujuan promosi dan publisiti.
 - 3.1.22 dialog dan sari kata berbahasa kasar, kesat, lucah, dwimakna, bernada hasutan dan fitnah.
 - 3.1.23 slanga atau dialek mengikut negeri, daerah, etnik dan kaum sesuatu tempat yang boleh menimbulkan kekeliruan atau salah faham.
 - 3.1.24 adegan seram atau ngeri yang keterlaluan.
- 3.2 Adegan yang memaparkan kelakuan, perbuatan, amalan atau perkara lain yang boleh dianggap menyalahi moral dan sosiobudaya masyarakat Malaysia.



- Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong -



Bahagian III

PENAPISAN STESEN TELEVISYEN

PROD.	TAKE		CUT
SCENE	ROLL		
DATE			
DIRECTOR			
CAMERA			

BAHAGIAN III

PENAPISAN STESEN TELEVISYEN

Penapisan bagi filem untuk tayangan stesen televisyen juga berdasarkan tiga (3) teras yang dinyatakan di Bahagian II dan Bahasa di Bahagian V. Walau bagaimanapun, mengambil kira kepelbagaian demografi penonton televisyen terutama golongan kanak-kanak, penapisan filem untuk siaran televisyen perlu **lebih terperinci dengan memberikan perhatian dan ketelitian mengikut konteks dan jalan cerita** bagi perkara berikut:

1. adegan merokok, penyalahgunaan dadah (menghisap, menghidu, menelan dan menyuntik) dan meminum arak.
2. dialog, sari kata dan paparan berbahasa kasar, kesat, dwimakna atau bernada hasutan dan fitnah.
3. adegan dan dialog yang merendah-rendahkan maruah dan martabat individu, golongan wanita atau lelaki.
4. dialog, sari kata dan paparan yang mengandungi maksud lucah dan seksual seperti merujuk kemaluan lelaki dan perempuan, penggunaan bahasa seperti *fuck*, *fucker*, *asshole*, *motherfucker* dan lain-lain yang seumpamanya serta isyarat lucah tidak dibenarkan.
5. paparan adegan masak dan makan daging khinzir yang melibatkan orang Islam. Walau bagaimanapun, dokumentari berkaitan khinzir bagi tujuan pembelajaran dan filem animasi watak khinzir dibenarkan.
6. ciuman atau kucupan kecuali adegan yang memaparkan nilai-nilai kekeluargaan.
7. adegan intim, ghairah dan romantik secara pelukan dan perbuatan lain antara lelaki dan perempuan atau sama jantina.

The background features a light gray film strip pattern winding across the page. In the lower-left corner, there is a faint, stylized illustration of a clapperboard. The clapperboard has fields for 'PROD.', 'SCENE', 'TAKE', 'ROLL', 'DATE', 'DIRECTOR', and 'CAMERA'.

Bahagian IV

FILEM

KECIL IKLAN

DAN FILEM

PROMOSI

BAHAGIAN IV

FILEM KECIL IKLAN DAN FILEM PROMOSI

Bahagian ini menggariskan panduan penapisan bagi filem kecil iklan dan filem promosi.

1. Dasar Umum Filem Kecil Iklan

Filem kecil iklan hendaklah mematuhi Perlembagaan Persekutuan, undang-undang yang berkaitan, peraturan, garis panduan dan rujukan industri yang sedang berkuat kuasa, sesuai untuk tontonan umum serta memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- 1.1 kaedah pemujukan jualan, tawaran yang munasabah, tidak keterlaluan, tidak mengelirukan atau memberikan gambaran salah dan menipu.
- 1.2 disediakan dengan penuh tanggungjawab dan mengambil kira sensitiviti masyarakat, terutama sekali yang berkaitan dengan agama, kaum, jantina, usia, OKU serta golongan penonton yang mudah terpengaruh.
- 1.3 bahasa yang dibenarkan ialah bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris termasuk bahasa tempatan yang lazim digunakan di Malaysia.
- 1.4 bahasa Melayu yang digunakan mestilah baik dan betul. Bahasa lain termasuk bahasa rojak, slanga dan dialek negeri dibenarkan mengikut kesesuaian, tidak keterlaluan dan hendaklah disertakan dengan sari kata bahasa Melayu.
- 1.5 tidak berunsur stereotaip atau prejudis terhadap sesuatu golongan masyarakat seperti etnik, jantina, usia, OKU dan status sosial.
- 1.6 mengutamakan nilai murni serta positif dari sudut aksi dan mesej. Filem kecil iklan yang memaparkan adegan atau aksi negatif adalah dibenarkan sekiranya membawa pengajaran serta tidak memudaratkan individu dan masyarakat.
- 1.7 tidak menunjukkan atau menggalakkan amalan yang tidak selamat, melainkan dengan kreativiti tertentu dan disertakan dengan penafian terutamanya yang melibatkan kanak-kanak dan remaja.
- 1.8 mengeksploitasi dan mempamerkan mana-mana individu sama ada lelaki, perempuan atau kanak-kanak sebagai objek seks.

- 1.9 penglibatan kanak-kanak adalah dibenarkan bagi mengiklan produk yang relevan kepada mereka atau bertujuan mempromosikan keselamatan atau pendidikan.
- 1.10 filem kecil iklan yang ditujukan kepada kanak-kanak dan remaja mestilah tidak mengandungi bahan ilustrasi atau sebagainya yang boleh membawa kesan negatif secara moral, fizikal dan mental.
- 1.11 penggunaan logo halal bagi semua produk atau perkhidmatan hendaklah disertakan kelulusan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau pihak berkuasa agama negeri atau badan-badan pensijilan luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM yang masih sah tempoh.
- 1.12 filem kecil iklan dan filem promosi yang akan ditayangkan dalam filem, program televisyen dan segmen berita yang belum diluluskan hendaklah mendapatkan kelulusan LPF terlebih dahulu sebelum disiarkan. Iklan yang pernah diluluskan tidak perlu mendapat kelulusan semula untuk tayangan seterusnya.
- 1.13 filem kecil iklan senyap perlu disertai papan cerita yang lengkap.
- 1.14 iklan perbandingan tidak boleh menyatakan identiti produk pesaing secara langsung. Iklan perbandingan perlu adil, berasas, seimbang dan perlu disertakan pembuktian yang benar.
- 1.15 semua filem kecil iklan yang ditayangkan hendaklah memaparkan nombor kelulusan LPF.

2. Filem Kecil Iklan Produk dan Perkhidmatan

- 2.1 Filem kecil iklan bagi produk ubat, suplemen dan kemudahan perkhidmatan kesihatan, perubatan tradisional dan komplementari, kemudahan perubatan, kepakaran dan perkhidmatan berkaitan perubatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat (LIU), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 2.2 Filem kecil iklan bagi peranti perubatan (medical devices) atau alat-alat yang mempunyai tuntutan perubatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (Medical Device Authority), KKM.
- 2.3 Filem kecil iklan bagi kosmetik hendaklah disertakan sijil notifikasi dan mematuhi garis panduan kosmetik Bahagian Regulatori Farmasi Negara (National Pharmaceutical Regulatory Agency), KKM.

- 2.4 Filem kecil iklan bagi barangan elektrik, elektronik dan peranti frekuensi hendaklah disertakan kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga atau Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) serta lain-lain undang-undang, peraturan dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa.
- 2.5 Filem kecil iklan bagi racun serangga, makhluk perosak dan tumbuhan hendaklah disertakan kelulusan Jawatankuasa Iklan Racun Perosak, Jabatan Pertanian Malaysia di bawah Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Iklan) 1996 serta lain-lain peraturan dan garis panduan lain yang sedang berkuat kuasa.
- 2.6 Filem kecil iklan bagi makanan dan minuman mestilah mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM serta peraturan-peraturan, garis panduan dan rujukan industri lain yang sedang berkuat kuasa.
- 2.7 Filem kecil iklan produk perlindungan kesihatan seperti tuala wanita, lampin dewasa, dan pakaian dalam hendaklah tidak melanggar adab atau kesopanan dan tidak menggunakan peragawan atau peragawati.
- 2.8 Filem kecil iklan bagi produk pakaian sukan adalah dibenarkan dan hendaklah tidak melanggar adab atau kesopanan.
- 2.9 Filem kecil iklan perkhidmatan institusi kewangan berlesen perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- 2.10 Filem kecil iklan bagi tujuan mengajar kaedah pelaburan hendaklah dari kalangan profesional yang berkelayakan dan berlesen.
- 2.11 Filem kecil iklan pelancongan, haji, umrah dan yang berkaitan perlu mengemukakan kelulusan pihak berkuasa berkenaan.

3. Filem kecil iklan bagi produk dan perkhidmatan yang dikaitkan dengan perkara yang berikut adalah tidak dibenarkan iaitu:

- 3.1 minuman arak dan alkohol.
- 3.2 rokok dan produk merokok.
- 3.3 skim pemasaran berbilang aras (multi-level marketing).
- 3.4 skim cepat kaya.
- 3.5 penilikan, ilmu ghaib, khurafat dan barangan lain yang bertentangan dengan agama.

- 3.6 agensi mencari jodoh dan kelab persahabatan.
- 3.7 sebarang bentuk perjudian termasuk cara pertaruhan dan perjudian.
- 3.8 cetakan atau lambang mengandungi mesej yang bertentangan dengan agama dan undang-undang.
- 3.9 adegan yang tidak sopan dan bertentangan dengan budaya.
- 3.10 adegan yang menunjukkan kelucahan dan kebobogelan.
- 3.11 pornografi.
- 3.12 khinzir dan produk yang berasaskan khinzir dalam apa-apa jua bentuk paparan.
- 3.13 bunga api, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan mercun, bahan letupan dan yang seumpamanya, kecuali filem kecil iklan yang mengandungi adegan bunga api, mercun dan bahan letupan yang mempromosikan produk dan perkhidmatan yang lain.
- 3.14 sebarang iklan pelaburan oleh syarikat atau individu yang berbentuk spekulasi, kewangan, ekuiti, komoditi, perkhidmatan dan lain-lain yang bertujuan mempromosi atau menarik minat dalam stok dan syer tanpa kelulusan pihak berkuasa berkaitan, kecuali iklan tawaran awam permulaan (Initial Public Offering - IPO).
- 3.15 kenyataan tentang kematian, upacara pengebumian dan simbol pengebumian.
- 3.16 kelab malam, rumah urut, kasino dan pusat hiburan lain seumpamanya.

4. Filem Kecil Iklan Kutipan Derma

Filem kecil iklan kutipan derma oleh mana-mana yayasan, pertubuhan atau jawatankuasa masjid/surau yang berdaftar perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan seperti yang berikut:

4.1 Yayasan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Semua aktiviti pertubuhan yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia perlu mendapat kelulusan daripada Menteri yang diberi kuasa di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 [Akta 2] dan mematuhi syarat lain yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

4.2 Yayasan yang ditubuhkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Kebeheraan mengutip derma bagi pertubuhan yang didaftarkan melalui JPM hendaklah mematuhi syarat dalam surat ikatan amanah (trust deed) dan mematuhi syarat lain yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

4.3 Pertubuhan atau persatuan yang diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)

Kebeheraan mengutip derma seperti termaktub dalam perlembagaan pertubuhan yang berkenaan dan mematuhi syarat lain yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

4.4 Jawatankuasa Masjid

Jawatankuasa yang dilantik oleh pihak masjid atau Pihak Berkuasa Agama Negeri. Semua kelulusan bagi tujuan aktiviti kutipan derma dan kaedah kutipan hendaklah melalui Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.

5. Filem Promosi

5.1 Filem Promosi hendaklah mematuhi perkara yang berikut:

- 5.1.1 Filem promosi hendaklah menggunakan bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan bahasa tempatan yang lazim digunakan di Malaysia sahaja.
- 5.1.2 Filem promosi dalam bahasa Melayu mestilah menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul. Penggunaan bahasa rojak, slanga dan bahasa lain oleh pengacara dan tetamu dibenarkan mengikut kesesuaian, namun perlu disertakan dengan sari kata bahasa Melayu yang betul.
- 5.1.3 Paparan teks (supers), suara tindih, suara latar dan alih suara dalam Filem Promosi hendaklah menggunakan bahasa yang didaftarkan dalam permohonan tapisan.
- 5.1.4 Pengacara atau tetamu dalam Filem Promosi tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan, testimoni ataupun perakuan terhadap produk atau perkhidmatan yang dipromosikan, kecuali disokong dengan dokumen yang diluluskan oleh agensi yang mengawal selia atau pihak berkuasa berkenaan.
- 5.1.5 Setiap produk dan perkhidmatan yang dipromosikan mesti disertakan dengan dokumen yang diperakui oleh agensi yang mengawal selia atau pihak berkuasa berkenaan.

6. Tanggungjawab Pemunya Filem Kecil Iklan

Semua pemunya filem kecil iklan perlu memastikan produk dan perkhidmatan yang diiklankan mematuhi undang-undang, peraturan, garis panduan dan rujukan industri berkaitan yang sedang berkuat kuasa.



- Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong -

The background features several overlapping, semi-transparent film strips with sprocket holes, creating a sense of motion and cinematic theme. In the lower-left corner, there is a clapperboard graphic with various fields for production information.

Bahagian V **BAHASA**

PROD.	TAKE		CUT
SCENE	ROLL		
DATE			
DIRECTOR			
CAMERA			

BAHAGIAN V

BAHASA

1. Bahasa dalam filem bermaksud komunikasi secara dialog, teks, sari kata, lirik, bahasa isyarat, bahasa tubuh, simbol atau paparan lain yang terdapat dalam filem.
2. Penggunaan bahasa dalam filem hendaklah diteliti kesesuaiannya mengikut konteks jalan cerita dan klasifikasi filem berdasarkan perkara yang berikut:

2.1 bahasa lucah, dwimakna yang berunsur lucah, kasar, kesat dalam apa-apa jua bahasa yang boleh menimbulkan kesan emosi.

2.2 bahasa jelik terhadap agama, bangsa, negara, individu, komuniti, adat dan budaya sesuatu kaum.

2.3 bahasa yang merujuk kemaluan lelaki atau perempuan yang berunsur lucah.
3. Contoh bahasa dalam filem yang berunsur lucah, dwimakna, kasar, kesat dan jelik adalah seperti yang berikut:

3.1 Bahasa Melayu

<i>anak haram / sial</i>	<i>jahanam</i>
<i>anjing</i>	<i>kafir</i>
<i>babi</i>	<i>kepala hotak</i>
<i>bahlul</i>	<i>kurang ajar</i>
<i>bangang</i>	<i>kepala butuh</i>
<i>barua</i>	<i>keparat</i>
<i>beruk</i>	<i>lembu</i>
<i>binatang</i>	<i>lahanat</i>
<i>bangsat</i>	<i>main buntut</i>
<i>berampus</i>	<i>mampus</i>
<i>betina</i>	<i>monyet</i>
<i>bodoh</i>	<i>pantat</i>
<i>celaka</i>	<i>pondan</i>
<i>dayus</i>	<i>pelacur</i>
<i>gila babi</i>	<i>pukimak</i>

<i>haram jadah</i>	<i>sial</i>
<i>jalang</i>	<i>sundal</i>
<i>perkataan / istilah lain yang merujuk kemaluan lelaki atau perempuan yang membawa kepada maksud seksual dan keluahan</i>	<i>perkataan dwimakna yang membawa kepada maksud seksual dan keluahan</i>
<i>* dan perkataan lain yang seumpama dengannya</i>	

3.2 Bahasa Inggeris

<i>asshole / arsehole</i>	<i>bastard</i>
<i>bitch</i>	<i>bloody ass</i>
<i>bloody hell</i>	<i>blowjob</i>
<i>bullshit</i>	<i>cunnilingus</i>
<i>cunt</i>	<i>damn</i>
<i>deep throat</i>	<i>fellatio</i>
<i>fool</i>	<i>fuck you</i>
<i>hooker</i>	<i>handjob</i>
<i>jerk off</i>	<i>jackass</i>
<i>scumbag</i>	<i>prick</i>
<i>son of a bitch</i>	<i>shit</i>
<i>sucker</i>	<i>stupid</i>
<i>motherfucker</i>	<i>whore</i>
<i>you dick sucker</i>	<i>fuck you / her / him</i> <i>(ditujukan kepada individu)</i>
<i>perkataan dwimakna yang membawa maksud seksual dan keluahan</i>	<i>fuck, fucker (tidak ditujukan kepada mana-mana individu)</i>
<i>perkataan / istilah lain yang merujuk kemaluan lelaki atau perempuan</i>	
<i>* dan perkataan lain yang seumpama dengannya</i>	

3.3 Bahasa Cina

笨蛋 <i>ben dan</i> / 蠢货 <i>chun huo</i> / 饭桶 <i>fan tong</i> / <i>sei chun</i> (bodoh)
<i>pi</i> 屁 / <i>pi shi</i> 屁事 (marah)
<i>ba po</i> 八婆 / <i>si ba po</i> 死八婆 / <i>sei pak poh</i> (marah / wanita sial / wanita membebel)
<i>ma de</i> 妈的 / <i>ta ma de</i> 他妈的 / <i>qu ni ma de</i> 去你妈的 / <i>ni ma</i> 你妈 / <i>ni niang de</i> 你娘的 (damn/shit bertujuan melepaskan kemarahan dan tidak menuju kepada individu)
<i>wang ba</i> 王八 (dwimakna membawa maksud sial)
王八蛋 <i>wang ba dan</i> / 兔崽子 <i>tu zai zi</i> (anak sial)
<i>chiu</i> (damn it)
<i>sek si</i> (eat shit)
<i>si fat gwai</i> (anak sial)
<i>soh hai</i> / 傻屌 <i>sha bi</i> (bodoh)
<i>pok kai</i> 仆街 (dwimakna / jatuh tertiarap membawa maksud damn / shit)
我靠 <i>wo kao</i> (damn / tak guna)
<i>kan na sai</i> (shit)
<i>mo lan yong</i> / <i>mo chun yong</i> / <i>mo yong</i> / <i>mo chat yong</i> (marah / kelakuan tidak berguna)
<i>pok ye</i> (bersetubuh)
<i>za zhong</i> / <i>chap cheng</i> 杂种 / <i>chap cheng kia</i> 杂种仔 (anak haram)
<i>ham ka chan</i> / <i>ham ka ling</i> (sumpah sekeluarga akan mati)
<i>tiao</i> / <i>kan</i> / <i>chao</i> / <i>tiu</i> / <i>kao</i> (fuck)
<i>da fei ji</i> / <i>da fei kei</i> / <i>pak chiu cheng</i> 打飞机 (dwimakna membawa maksud melancap)
贱 <i>jian</i> (<i>keji</i> / tak bermoral)
<i>hoi bao</i> / <i>kai bao</i> 开苞 (dwimakna membawa maksud meniduri anak dara)
<i>mou chun doi</i> (tiada kejantanan)
顶你个肺 <i>deng lei ko fai</i> (fuck off)
<i>lan jiao</i> / <i>lok chat</i> (kemaluan lelaki)
<i>ji bai</i> / <i>hai</i> (kemaluan perempuan)
<i>lu mak ji bai</i> (kemaluan mak kau)
<i>pok lei ko chau kai</i> / <i>diu lei ko chau hai</i> (fuck your smelly cunt)
* dan perkataan lain yang seumpama dengannya

3.4 Bahasa Tamil

<i>erumai</i> (kerbau)
<i>kaluthai</i> (keldai)
<i>koomutta</i> (bodoh)
<i>mundam</i> (bodoh)
<i>muttaal</i> (bodoh)
<i>naai</i> (anjing - merujuk orang)
<i>pandi</i> (babi)
<i>pandikutty</i> (anak babi)
<i>paradesi</i> (suka merayau)
<i>pisasu</i> (hantu)
<i>porukki</i> (suka merayau)
<i>porukki naaye</i> (merayau seperti anjing - merujuk orang)
<i>saniyan / saniyane</i> (pembawa sial)
<i>sori naai</i> (anjing kurap - merujuk orang)
<i>mayiru / mayir</i> (bulu kemaluan - mengikut konteks adegan dan nada disebut)
<i>mayiraandi</i> (merujuk orang yang tidak berguna)
<i>pudunggi</i> (penggunaannya sebagai cabaran dan tidak merujuk kepada aksi cabut bulu kemaluan)
<i>porambokku</i> (orang yang tidak berguna)
<i>soothu</i> (punggung - mengikut konteks adegan dan nada disebut)
<i>arupeduthavan/arupedathaval</i> (miang)
<i>oodukaali</i> (perempuan yang suka merayau)
<i>thevidia / vesi</i> (pelacur)
<i>thevedia magan/magal / vesi magan</i> (anak pelacur lelaki perempuan)
<i>unggammaleh</i> (singkatan menjurus kelucahan bermaksud emak kau....)
<i>oru appanukku piranthirunthal</i> (anak haram)
<i>thaaiyoli</i> (motherfucker)
<i>kuuthi / pundeh</i> (kemaluan wanita)
<i>sunni / poolu</i> (kemaluan lelaki)
<i>olu / okarathu / otha</i> (fuck)
<i>oombu</i> (blowjob)

<i>fuck</i>	<i>Perkataan bahasa Inggeris tetapi perlu dipadamkan / disenyapkan (mandatori)</i>
<i>motherfucker</i>	
<i>asshole</i>	
<i>* dan perkataan lain yang seumpama dengannya</i>	

3.5 Bahasa Hindi / Punjabi

<i>bahen chot (seks dengan kakak / adik perempuan)</i>
<i>behen ka thaka (sister's pimp)</i>
<i>budhu (bodoh)</i>
<i>choot / chutiyah (kemaluan wanita)</i>
<i>chutiya (fucker)</i>
<i>chutiyah (kasta yang terendah di utara india)</i>
<i>delah (pimp)</i>
<i>gaand maar / gaandma (liwat)</i>
<i>gadha (keldai)</i>
<i>halqat (nakal)</i>
<i>haram khor (pemalas)</i>
<i>haram zada / zade / zadi (anak haram)</i>
<i>harami / haraami (bangsat / bajingan)</i>
<i>harami ka bacha / arami bacha (anak seorang bangsat / bajingan)</i>
<i>harami ki aulad (anak seorang bangsat / bajingan)</i>
<i>hijra (pondan)</i>
<i>kamina / kamini (jahat / keji)</i>
<i>kanjar / kanjari (pelacur lelaki / perempuan)</i>
<i>kothe wali (ibu ayam)</i>
<i>kutte ki aulad / kutti ki aulad (anak anjing - merujuk orang)</i>
<i>kutti (anjing betina / bitch - merujuk orang)</i>
<i>lucha / luchi (penyangak / seorang yang tidak berguna)</i>
<i>maa chot / maakichod / maayava (seks dengan emak)</i>
<i>rendi / vaisya (pelacur)</i>
<i>sur ka bacha (anak babi / khinzir)</i>
<i>suvar (babi - merujuk orang)</i>
<i>teri bahen ki / teri bahen ka (sebutan lucah yang merujuk kemaluan wanita / kakak / adik)</i>

teri maa ki / teri maa ka (sebutan lucah yang merujuk kemaluan wanita/emak)

** dan perkataan lain yang seumpama dengannya*

3.6 Bahasa Telegu

bochu / eekalu (bulu kemaluan - mengikut konteks adegan dan nada disebut)

bokka / bonggu (dwimakna - diucapkan dengan maksud kemaluan wanita / dubur wanita ataupun lelaki)

chethanayala (orang tak berguna)

dharithruda (pembawa nasib malang)

dhola (gatal)

donga vedhava (pencuri)

doolateerindi (hilang gatal)

gaditha (keldai)

gutha (punggung - mengikut konteks adegan dan nada disebut)

kothi (monyet)

kukka (anjing - merujuk orang)

lanja / lanja munda (pelacur)

lanja kodukka (anak pelacur)

magavaada (pondan)

adathaniva (tomboi)

mushti nayala (pembawa sial)

panthi (babi - merujuk orang)

pichchi pakodi (teramat bodoh)

piiku / pikuthadu / pikuthavoo (penggunaannya sebagai cabaran dan tidak merujuk kepada aksi cabut bulu kemaluan)

ne yamma (singkatan menjurus seksual bermaksud emak kau punya.....)

amma nee yamma (singkatan menjurus seksual bermaksud emak kau punya.....)

piiku (cabut bulu kemaluan)

bochu / eekalu (bulu kemaluan - sebutan amat kasar)

fuck

motherfucker

asshole

Perkataan bahasa Inggeris tetapi perlu dipadamkan / disenyapkan (mandatori)

** dan perkataan lain yang seumpama dengannya*

3.7 Bahasa Malayalam

chandhi / kundi / kotham (punggung)	
myru / maire (bulu kemaluan - mengikut konteks adegan dan nada disebut)	
naai (anjing - merujuk orang)	
oli (perempuan gatal seksual)	
patti (anjing)	
pattiyinde mone (anak anjing)	
pha chette (damn you, scoundrel)	
poda patti (pergilah anjing)	
polaiyaadi monae (anak haram / pelacur)	
pottan (bodoh)	
temmadi (orang tidak berguna)	
veppaatti (perempuan simpanan)	
veshi / thevadichi / kolekkeri / vedi (pelacur)	
kandara oli / koothichi (pelacur - sangat kasar)	
kunna (kemaluan lelaki)	
mole (buah dada)	
oomb (blowjob)	
pundachi monae / koothindamohne (anak haram - sangat kasar)	
fuck	Perkataan bahasa Inggeris tetapi perlu dipadamkan / disenyapkan (mandatori)
motherfucker	
asshole	
* dan perkataan lain yang seumpama dengannya	

The background features several overlapping, light gray film strips that create a sense of depth and movement. In the lower-left corner, there is a stylized clapperboard with various fields for production information.

Bahagian VI **KLASIFIKASI FILEM**

PROD.	TAKE		CUT
SCENE	ROLL		
DATE			
DIRECTOR			
CAMERA			

BAHAGIAN VI

KLASIFIKASI FILEM


1. Filem yang ditapis akan diberikan klasifikasi dengan tujuan:

- 1.1 memberikan kebebasan kepada orang dewasa memilih filem untuk ditonton.
- 1.2 mendidik dan melindungi remaja dan kanak-kanak daripada terdedah kepada kandungan filem yang tidak sesuai dengan peringkat umur mereka serta boleh merosakkan tingkah laku mereka.
- 1.3 menggalakkan ibu bapa agar lebih bertanggungjawab dalam mengawal dan membimbing anak-anak memilih kandungan filem yang sesuai untuk ditonton.

2. Prinsip klasifikasi adalah untuk:

- 2.1 mengikut peredaran masa dan perkembangan teknologi perfileman.
- 2.2 mengimbangi tahap pemikiran dan sosiobudaya masyarakat.
- 2.3 menggalakkan kreativiti penggiat industri filem dan penyiaran.

3. Filem yang diluluskan untuk tayangan oleh LPF akan diberikan klasifikasi mengikut lima (5) kategori seperti yang berikut:





- Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong -



Bahagian VII

TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN FILEM UNTUK TAYANGAN

PROD.

SCENE

TAKE

ROLL

DATE

DIRECTOR

CAMERA

BAHAGIAN VII

TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN FILEM UNTUK TAYANGAN


1. Permohonan kelulusan filem untuk tayangan

Pemunya filem hendaklah mengemukakan filem yang siap sepenuhnya kepada LPF untuk penapisan dan kelulusan untuk ditayangkan kepada umum.

2. Rayuan


Sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan LPF, pemunya filem boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan dalam tempoh 30 hari selepas keputusan LPF dikeluarkan.

CARTA ALIR TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN FILEM UNTUK TAYANGAN



- Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong -

LAMPIRAN



JAWATANKUASA INDUK KAJIAN SEMULA DAN URUS SETIA
GARIS PANDUAN PENAPISAN FILEM

- Penasihat

:

YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi
Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri
- Timbalan
Penasihat

:

YBhg. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman
Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan)
- Pengerusi

:

YBhg. Dato' Haji Mohd Dusuki bin Haji Ya'acob
Pengerusi Lembaga Penapis Filem (LPF)
- Naib
Pengerusi

:

YBr. Tuan Haji Misrun bin Timin
Naib Pengerusi Lembaga Penapis Filem (LPF)
- Setiausaha

:

Puan Yusniza binti Yusuf
Setiausaha Bahagian, Pejabat Penapisan Filem
- Ahli LPF

:

Encik Izani bin Daud (Ketua Penyelaras, LPF)
YBhg. Dato' Hj Mohd Shafie bin Jusoh
Puan Fuziah binti Abu Hanifah
Puan Gitabala a/p Chimanlal
Encik Chew Ai Wah
Encik Mohamad Khir bin Mat Lazim
YM Engku Mohamed Khairy Azwi bin Rozalay
Puan Stella Stephen Chin
Lt. Kdr [B] Md. Yusuf bin Hj. Ismail
Encik Soon Lay Hong
Encik Balakrishnan a/l Kandasamy
Encik Mender Singh a/l Kehar Singh
- Urus setia

:

Encik Khairul Esmail bin Mohd Zawawi
Puan Nurul Syafiqah binti Kiram

JAWATANKUASA EDITORIAL DAN URUS SETIA GARIS PANDUAN PENAPISAN FILEM

Pengerusi	:	YBhg. Dato' Haji Mohd Dusuki bin Haji Ya'acob Pengerusi Lembaga Penapis Filem (LPF)
Naib Pengerusi	:	YBrs. Tuan Haji Misrun bin Timin Naib Pengerusi Lembaga Penapis Filem (LPF)
Setiausaha	:	Encik Ismainur Hadi Amat Bakeron Setiausaha Bahagian, Pejabat Penapisan Filem
Ahli	:	Puan Dona Liyanna Sabariah binti Azmi (Penasihat Undang-undang, KDN)
		Puan Nurul Nadia binti Basri (Penasihat Undang-undang, KDN)
		YBhg. Dato' Haji Mohd Hussain bin Hj. Shafie (Pengerusi JKRF)
		YBhg. Dato' Wahab bin Mohd Yasin (Naib Pengerusi JKRF)
		YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Amizah binti Wan Mahmud (UKM)
		Encik Ahmad Farami bin Abdul Karim (UiTM Shah Alam)
		Puan Rohayu binti Ismail @ Hassan (Dewan Bahasa dan Pustaka)
		Encik Ku Badlisyah Tunku Mohd Noor (FINAS)
		Encik Mohd Zaidi bin Sani (FINAS)
		Puan Nawar Hani binti Kamaruddin (RTM)
		Puan Intan Suhaida Sujas (RTM)

Puan Salwati Saa'yah
(RTM)

Encik Zadil Hayat Arsad
(RTM)

Encik Izani bin Daud
(LPF)

Encik Abdul Hafeez bin Hamzah
(LPF)

Encik Mohamad Khir bin Mat Lazim
(LPF)

Tuan Kolonel [B] Munraj Singh a/l Jughtar Singh
(LPF)

Puan Stella Stephen Chin
(LPF)

Encik Muzamir bin Saboo
(LPF)

Urus setia :

Puan Nor Azrah binti Abd Rasid
Puan Zurina binti Zulkifli
Puan Nurul Syafiqah binti Kiram

AGensi KERAJAAN, BADAN BERKANUN, INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI, INDUSTRI PERFILEMAN, STESEN TELEVISYEN DAN ORGANISASI DAN INDIVIDU YANG MENYUMBANG DALAM PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PENAPISAN FILEM (GPPF)

1. Agensi Kerajaan (Kementerian/Jabatan)

- 1.1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
- 1.2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- 1.3. Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD)
- 1.4. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)
- 1.5. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- 1.6. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)
- 1.7. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- 1.8. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- 1.9. Jabatan Penyiaran Malaysia

2. Badan-badan Berkanun

- 2.1. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
- 2.2. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

3. Institusi-institusi Pengajian Tinggi

- 3.1. Universiti Kebangsaan Malaysia
- 3.2. Universiti Malaya
- 3.3. Universiti Sains Malaysia

4. Industri Perfileman

- 4.1. Act 2 Pictures
- 4.2. Al Kahfi Pictures
- 4.3. Astro Shaw Sdn. Bhd
- 4.4. D'ayu Pictures Sdn. Bhd
- 4.5. Empire Film Solution Sdn. Bhd
- 4.6. Film Force Studio Sdn. Bhd
- 4.7. Global Station Sdn. Bhd
- 4.8. GSC Movies Sdn. Bhd
- 4.9. I Mega Serve Sdn. Bhd
- 4.10. Jutamas Samudra Sdn. Bhd
- 4.11. Malik Streams Corporation Sdn. Bhd
- 4.12. Mangkin Prestij Sdn. Bhd.
- 4.13. MIG Pictures Sdn. Bhd.
- 4.14. MM2 Film Distribution Sdn. Bhd
- 4.15. Number Twenty One Media Sdn. Bhd
- 4.16. Pencil Pictures and Records Sdn. Bhd
- 4.17. Primeworks Studios Sdn. Bhd
- 4.18. RJ Jasspreet Sdn. Bhd

- 4.19. Skop Productions Sdn. Bhd
- 4.20. Sony Pictures Entertainment Malaysia Sdn. Bhd
- 4.21. United International Pictures Sdn. Bhd
- 4.22. Warner Bros Sdn. Bhd
- 4.23. Yusari Studios
- 4.24. Juragan Kaya Sdn. Bhd

5. Stesen Televisyen

- 5.1. Radio dan Televisyen Malaysia (RTM)
- 5.2. All-Asian Satellite Television and Radio Operator (Astro)
- 5.3. Awesome TV
- 5.4. Enjoy TV
- 5.5. Media Prima Berhad
- 5.6. Suke TV
- 5.7. UNIFI TV
- 5.8. TV Al-Hijrah
- 5.9. TVS – Sarawak Media Group

6. Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Individu

- 6.1. Malaysia Alliance of Civil Society Organisations in the UPR Process (MACSA)
- 6.2. Persatuan Dokumentari Nusantara Malaysia (DOCMAL)
- 6.3. Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PFM)
- 6.4. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)
- 6.5. Pertubuhan Perfileman Sosial Malaysia, Freedom Film Network (FFN)
- 6.6. Zabidi Mohamed – Penulis Skrip dan Pensyarah Sambilan

7. Anggota Lembaga Penapis Filem

8. Jawatankuasa Rayuan Filem (JKRF)

9. Pejabat Penapisan Filem

NOTA



NOTA





KEMENTERIAN DALAM NEGERI

